

14 FEBRUARI 2018

Tiada niat musnah masa depan penagih dadah

HARIAN METRO

Tiada niat musnah masa depan penagih dadah

Kuala Lumpur: Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) menyangkal dakwaan Persatuan Pengasih Malaysia (PENGASIH) yang mengadakan operasi di set penggambaran adalah satu tindakan yang agresif.

Pengarah Penguatkuasaan dan Keselamatan AADK, Zainuddin Abdullah, berka-



Mudarat kerjaya anak seni

LAPORAN Harian Metro, semalam.

ta pihaknya juga tidak berniat untuk merosakkan reputasi mana-mana individu yang terbabit dengan penyalahgunaan dadah.

"Kita di AADK melaksanakan proses penguatkuasaan kita dengan cara menggalakkan individu yang terbabit penyalahgunaan dadah supaya datang menemui AADK untuk

mendapatkan rawatan.

"AADK tidak pernah mempunyai niat untuk memudaratkan masa depan mereka yang terbabit dalam penagihan dadah. Malah kita amat prihatin dengan masa depan mereka sehingga kita merangka pelbagai program bagi memastikan mereka dapat meneruskan kehidupan mereka sebaik

selesai menjalani rawatan.

"AADK menggunakan pendekatan cari dan bantu supaya masyarakat prihatin dengan nasib dan masa depan mereka yang terbabit dengan penagihan.

"Dakwaan AADK agresif itu tidak berasas, dan amat berlawanan dengan kempen yang dijalankan oleh kita," katanya.